


とうとう台東区へ 其の巻

UENO

Pengalaman sebenar
(Rasa, sentuh, makan,
di Bandar Taito

上野

Ueno menjadi terkenal berikutan penubuhan Shogun Tokugawa di Edo pada 1603. Terkenal dengan tokong Buddha dan masyarakat setempatnya yang ramah. Sejak zaman Meiji (1868 dan seterusnya), Ueno menjadi pusat seni dan budaya Jepun moden. Dianugerahkan dengan tempat tarikan pelancongan yang berkualiti, Ueno dikenali dengan monumen bersejarahnya yang berkaitan dengan Tokong Kaneji dan keluarga Shogun Tokugawa seperti muzium seni dan sains bertaraf dunia, serta zoo pertama dan terbesar di Jepun. Anda juga boleh menerokai kawasan kejirannya yang menarik dan penuh nostalgia. Ueno juga menawarkan keseronokan membeli-belah di lorong-lorongnya yang penuh meriah. Bandar ini juga merupakan pintu masuk ke pusat bandar Tokyo dari Lapangan Terbang Antarabangsa Narita. Datanglah berkunjung ke UENO dan rasailah pengalaman menarik yang ditawarkan oleh bandar ini!



Peta tandas

Legenda

- 📍 Pusat Informasi Pelancong
- ℹ️ Papan Informasi
- 🚶 Tandus untuk individu kurang upaya
- ♿ Tandus
- 🚗 Tempat Letak Kendaraan
- 👮 Polis/Kotak Polis
- 💣 Bomba
- 📮 Pejabat Pos
- 🏠 Kawasan Merokok
- 🔄 Pertukaran
- Hospital
- 🎓 Sekolah
- 🏯 Tokong
- 🏛️ Kuil

Tempat Letak Kendaraan Bawah Tanah Ueno Chuo Dori

Waktu: 24 jam
 Bayaran: 8:00a.m. ke 10:00p.m. JPY 300 setiap 30 minit
 10:00p.m. ke 8:00a.m. JPY 100 setiap 30 minit
 *Had saiz kereta: 2.0m tinggi, 1.9m lebar, 5.3m panjang, 2.3t berat
 *Tidak bas atau motosikal.
 *Caj terhad pada malam dan hari bekerja

上野の見る・遊ぶ

Taman Ueno 上野公園



Taman Ueno dibina pada tahun 1873 sebagai taman awam pertama di Jepun. Keunikan taman ini adalah kewujudan banyak kemudahan seni dan budaya moden yang terletak dalam hutan hijaunya yang terdiri daripada monumen dan tinggalan bersejarah dari zaman Edo dan Meiji awal. Bunga sakura yang mekar pada musim bunga merupakan pemandangan biasa di kawasan ini.

Akses: Stesen Ueno, Metro Ueno, Keisei Ueno JR

Tokong To-eizan Kaneji 東叡山寛永寺



Tokong Kaneji dibina pada tahun 1625 untuk keluarga Tokugawa oleh sami besar Buddha bernama Tenkai yang amat dihormati oleh leyasu (pengasas Shogun Tokugawa) dan keturunannya. Tokong asal musnah semasa pertempuran revolusi Ueno pada tahun 1869.

Alamat: 1-14-11, Ueno-Sakuragi, Taiko-Ku
Akses: Stesen Uguisudani JR

Muzium Nasional Kesenian Barat 国立西洋美術館



Ditubuhkan pada tahun 1959. Bangunan utama telah direka oleh seorang arkitek Perancis bernama Le Corbusier. Pada tahun 2016, "Hasil Seni Bina Le Corbusier-Sumbangan Cemerlang kepada Kemajuan Seni Bina Moden", yang merangkumi Muzium Nasional Kesenian Barat telah didaftarkan sebagai Tapak Warisan Dunia.

Alamat: 7-7, Ueno Koen, Taito-Ku **Telefon:** 050-5541-8600 (Hello Dail)
Pengangkutan: Berjalan kaki selama 1 minit dari laluan pintu keluar taman Stesen Ueno JR, berjalan kaki selama 7 minit dari Stesen Keisei Ueno, berjalan kaki selama 8 minit dari Stesen Metro Ueno
Tutup: Isnin (Hari seterusnya sekiranya cuti), akhir tahun & awal tahun

Muzium Shitamachi 下町風俗資料館



Muzium Shitamachi membawa anda kembali ke zaman silam Shitamachi (pusat bandar lama Tokyo) dan budaya serta gaya hidup semasa era Meiji, Taisho dan tempoh pertengahan Showa (1860-an hingga 1940-an). Pelawat berpeluang menonton demonstrasi pembuatan kraftangan dan persembahan wayang jalanan untuk kanak-kanak.

Alamat: 2-1, Ueno-Koen, Taiko-Ku **Ditutup:** Isnin, Cuti Hujung Tahun, Cuti Tahun Baru
Akses: Stesen Ueno, Metro Ueno dan Keisei Ueno JR
*Ditutup dari April 2023 hingga 2024 (tarikh belum ditentukan)

Ameyoko (Ameya Yokocho) アメ横



Ameyoko merupakan lorong yang penuh meriah dengan lebih 500 buah kedai yang menjual pelbagai barangan pengguna daripada; sayur-sayuran segar hingga produk laut, kasut hingga pakaian, barang kemas hingga jam tangan, serta kosmetik hingga barangan berjenama.

Akses: Stesen Ueno, Metro Ueno, Okachimachi, Keisei Ueno JR

Ueno Toshogu 上野東照宮



Kuil ini didedikasikan kepada Tokugawa Ieyasu (Tosho Daigongen) sebagai tuhan. Diasaskan pada tahun 1627 oleh Takatora Dodo, seorang tuan feudal dibawah pemerintahan Isetsu. Perayaan Peony diadakan di Taman Peony di kawasan kuil pada musim bunga dan musim sejuk.

Alamat: 9-88, Ueno Koen, Taito-Ku **Telefon:** 03-3822-3455
Pengangkutan: Berjalan kaki selama 10 minit dari pintu keluar Stesen Ueno Koen JR, berjalan kaki selama 12 minit dari Stesen Keisei Ueno, berjalan kaki selama 10 minit dari Stesen Metro Ueno

Laman web dan SNS rasmi Bandar Taito

WEB

TAITO Odekake Navi



X(Twitter)

Taito-Kun
(@taito_kun)



Instagram

#lovetaito
(@lovetaito_official)



Nombor Untuk Dihubungi

Lawatan Pelancongan

Pusat maklumat pelancong & budaya Asakusa 03-3842-5566
Kelab Tokyo SGG 03-6280-6710
JNTO TIC 03-3201-3331
Pusat Maklumat Pelancong Tokyo Cawangan Ueno 03-3836-3471

Kemalangan dan kecemasan

Talian bebas tol JNTO 050-3816-2787

Maklumat Perubatan

Informasi Institusi Perubatan Metropolitan Tokyo (HIMAWARI)
03-5285-8181


Bas Keliling Bandar Taito "Megurin"

Maklumat terkini mengenai laluan dan jadual waktu boleh disemak dengan kod dua dimensi.



Peta Kepelbagaian Makanan Tokyo

Ini adalah peta bagi pelancong Muslim, vegan dan vegetarian untuk makan, minum dan melancong dengan seronok.



Diterbitkan oleh ◆ Bahagian Pelancongan Pejabat Bandar Taito 4-5-6, Higashi Ueno, Taito-Ku, Tokyo 110-8615

*Sila ambil maklum bahawa kandungan, nama dsbnya mungkin telah berubah apabila panduan ini dikeluarkan. Selain itu, terdapat banyak kawasan kuil dan harta persendirian di sini. Oleh itu, sila jaga adab anda.